

# Bangga harumkan nama kampung

Kampung Sijangkang muncul johan Kampung Tradisi Terbaik Daerah Kuala Langat 2015

**SUNGAI SEDU** - Kampung Sijangkang menjadi johan Kampung Tradisi Terbaik Daerah Kuala Langat bagi tahun 2015 sekaligus mengalahkan 24 kampung lain.

Ketua Kampung Sijangkang, Zainal Ulum Ahmad Kasah berkata, beliau menyahut saranan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat dalam menjadi contoh kepada kampung lain selain membantu memberi pandangan kepada kampung yang ada untuk sama-sama memberi peranan.

Menurutnya, beliau tidak sangka diberi peluang menjadi johan kerana banyak lagi kampung tradisi yang hebat.

"Tapi saya anggap ini rezeki kampung kita, kerana semua pihak memberi peranan dalam memajukan kampung."

"Paling penting, dapat mengharumkan nama kam-

pung ke peringkat kebangsaan supaya semua tahu di mana lokasi Kampung Sijangkang," katanya.

Sementara itu, Pegawai Daerah dan Tanah Kuala Langat, Rosli Othman berkata, pemilihan kampung tradisi dipilih melalui beberapa kriteria termasuk kepimpinan, pendidikan, fizikal dan aplikasi penggunaan teknologi maklumat.

Katanya, kesemua kampung dilihat memberi komitmen di sepanjang pemilihan dibuat namun lima kampung terpilih mempunyai kelebihan dan layak diberi penghargaan.

"Saya nampak kampung yang menang ini kebanyakannya ketua kampung yang pamerkan kerja-kerja terus kepada rakyat."

"Jika ketua kampung berperanan menjadi orang yang pertama menyalurkan maklu-



Zainal Ulum (kiri) menerima trofi dan replika cek bernilai RM5,000 selepas dinobatkan sebagai johan Kampung Tradisi Terbaik Daerah Kuala Langat.

mat kepada penduduk, sudah pasti rakyat dapat mengambil peluang," katanya kepada *Sinar Harian*.

Rosli berkata, beliau berharap selepas ini ketua kampung di setiap kawasan bersaing untuk mendapat gelaran

lima kampung terbaik supaya rakyat dapat melihat keupayaan ketua kampung mereka.

Katanya, pemimpin kawa-

san memainkan peranan penting dalam usaha meyakinkan anak buah mereka untuk berjaya dalam pelbagai kemajuan kampung.

"Dalam pada itu, saya nak tengok ketua kampung hentikan budaya kerja secara berasingan tetapi sentiasa terus berhubung antara satu sama lain."

"Penggunaan laman sosial seperti WhatsApp, Facebook dan blog kini semakin digemari dan ada di antara ketua kampung memang gunakan kemudahan ini," katanya.

Dalam pertandingan itu, Kampung Sijangkang menerima wang tunai RM5,000 berserta trofi, tempat kedua dimenangi Kampung Labohan Dagang yang membawa pulang RM3,000 berserta trofi dan tempat ketiga Kampung Bandar membawa pulang RM2,000 berserta trofi.



**KLik pilihan**

**BAGUS**

Sebahagian ketua kampung dan penghulu di Daerah Kuala Langat menunjukkan isyarat bagus selepas Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Kampung Tradisi Terbaik Daerah Kuala Langat di Lobi Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat.

## Pensyarah KKKL unggul Perisa 2015

KUALA LANGAT - Pensyarah Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL) berjaya menjadi johan dalam Pertandingan Inovasi Pensyarah (Perisa) 2015 Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Kolej Komuniti Temerloh, Pahang, baru-baru ini.

Pertandingan yang dianjurkan Unit Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti di bawah kelolaan Kolej Komuniti Temerloh ini bertujuan memupuk penglibatan pensyarah dalam inovasi dan reka cipta bagi melahirkan tenaga pengajar yang berfikiran kreatif dan inovatif.

Pengarah KKKL, Zainah Rujihan berkata, penyertaan pensyarahnya da-

pat membudayakan inovasi ini kepada pelajar.

"Terdapat lima kategori utama yang dipertandingkan iaitu kategori Pembelajaran dan Pengajaran, Food and beverage, Fesyen dan Jahitan, Kejuruteraan dan Multimedia, serta Pengurusan dan Perkhidmatan.

"Saya bangga dengan pencapaian pensyarah yang bertanding pada Perisa 2015 kali ini kerana kesemuanya berjaya bawa balik pingat," katanya.

Menurutnya, pertandingan ini membuktikan kreativiti serta inovasi yang dijana pensyarah KKKL bermutu tinggi dan mampu dikomersialkan.

Sementara itu, pemenang tempat

pertama dalam kategori Pembelajaran dan Pengajaran, dimenangi Rohayu Razali dan Nurhasyinda Shahidan menerusi inovasi My Accounting-Basic Cube (MY ABC).

Selain itu, KKKL juga mendapat naib johan bagi produk inovasi mereka iaitu Green Pump bagi kategori Kejuruteraan dan Multimedia, yang diketuai Aizzi Shakir Abdul Kadir, Rahmat Omar dan Mohd Khairul Nizam Radzali.

Mastura Mahmud memenangi tempat ketiga dalam kategori Pembelajaran dan Pengajaran dengan mempertaruhkan inovasi 'Magnatic Smart Note'.



Pensyarah KKKL yang terlibat dalam Perisa 2015 Peringkat Kebangsaan di Kolej Komuniti Temerloh, Pahang.